

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TASAWWUR ISLAM (KERTAS 1)  
TINGKATAN 5 TAHUN 2019**

**BAHAGIAN A**

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1	A	11	A
2	C	12	D
3	D	13	A
4	C	14	B
5	D	15	D
6	B	16	C
7	C	17	B
8	D	18	C
9	A	19	B
10	B	20	A

**BAHAGIAN B**

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
21	Fitrah Beragama	31	X
22	Rububiyah	32	✓
23	Wakaf	33	rabbaniyyah
24	Rasuah	34	syumuliyah
25	Kesesatan / kekufuran	35	Disebat 80 kali sebatan
26	Menguatkan / memperkukuhkan / memantapkan	36	Meminum arak
27	Hak milik	37	P : manusia / insan
28	Bekerja sendiri	38	Q : Alam
29	✓	39	P : Al-Quran
30	X	40	Q : Al-Ijmak

PERATURAN PEMARKAHAN TASAWWUR ISLAM KERTAS 2  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2019

No. Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Maksud Uluhiyyah : mengakui bahawa hanya Allah swt Yang Esa, yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak.	[1 isi x 2 markah = 2 markah]
		(ii)	Dua konsep Uluhiyyah : <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mengakui hanya Allah swt yang layak disembah dan ditaati.</li> <li>➤ Paksi utama keimanan kepada tauhid Uluhiyyah ialah kalimah syahadah.</li> <li>➤ Orang yang tidak beriman dengan tauhid Uluhiyyah menjadi sesat.</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(b)		<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pengertian alam ghaib: Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh akal dan pancaindera manusia.</li> <li>✓ Pengertian alam musyahadah : Alam nyata yang boleh ditanggapi oleh pancaindera manusia</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(c)	(i)	Sebab wahyu masih diperlukan oleh manusia <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebenaran akal bersifat relatif / sementara</li> <li>• Akal terdedah kepada kesilapan</li> <li>• Kemampuan akal terbatas</li> <li>• Akal mudah dipengaruhi oleh nafsu</li> </ul>	[1 isi x 2 markah = 2 markah]
	(c)	(ii)	Dua hikmah wahyu diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun: P1. Menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh orang arab merangkumi semua aspek kehidupan.(2m) P2. Memudahkan para sahabat menghafal ayat-ayat tersebut sedikit demi sedikit.(2m) P3. Memberi keteguhan jiwa kepada Rasulllah dalam menyampaikan dakwah.(2m) P4. Memberi panduan hidup kepada masyarakat jahiliyyah.(2m)	[2 isi x 2 markah = 4 markah]
	(d)		Cadangan isi: Kesan kegiatan pembalakan haram terhadap kehidupan manusia: Berlaku banjir lumpur (1m) apabila hujan turun dengan lebat (1m) kerana struktur tanah tidak kuat (1m) yang menyebabkan ramai nyawa yang terkorban.(1m)  *Mana-mana isi jawapan munasabah diterima	[4 markah]
2	(a)	(i)	prinsip rabbaniyyah: P1. Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah dan bukan ciptaan manusia.(2m)	[1 isi x 2 markah =2 markah]

			<p>P2. Islam ialah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahatan dan dorongan hawa nafsu.(2m)</p> <p>P3. Islam dan seluruh makhluk merupakan kepunyaan Allah.(2m)</p> <p>P4. Allah sebagai pemberi peraturan hidup.(2m)</p>	
		(ii)	<p>Dua cara menghayati sifat rabbaniyyah dalam kehidupan seharian:</p> <p>P1. Beriman dan yakin dengan segala rukun iman (1m) supaya hidup tidak sesat.(1m)</p> <p>P2. Mengerjakan segala perintah Allah (1m) seperti bersolat.(1m)</p> <p>P3. Meninggalkan larangan Allah (1m) seperti tidak berjudi.(1m)</p> <p>P4. Berjihad di jalan Allah (1m) dengan nyawa, harta benda dan fikiran (1m)</p> <p>P5. Bekerja untuk mencari keredhaan Allah (1m) supaya hidup bahagia.(1m)</p> <p>P6. Mengamalkan akhlak mulia (1m) seperti beradab dengan orang tua.(1m)</p>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(b)	(i)	<p>Ciri hak asasi manusia dalam Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebebasan mencari dan memiliki harta</li> <li>• Kebebasan menyuarakan pendapat</li> <li>• Mendapat keadilan di sisi undang-undang</li> <li>• Kebebasan beragama</li> </ul>	[1 isi x 2 markah =2 markah]
		(ii)	<p>Bukti yang menunjukkan Alamiyyah Islam dalam bidang perundangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat diterima dan diamalkan oleh semua manusia</li> <li>• Mementingkan perdamaian dan keadilan sejagat</li> <li>• Keadilan Islam menyeluruh dan tidak terhad kepada umat Islam sahaja</li> <li>• Membela kebenaran dan menentang kebatilan</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(c)	(i)	<p>Dua Kelebihan sifat murunah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan sifat bertoleransi dan berhemah</li> <li>• Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam</li> <li>• Menggalakkan mentaati dan melaksanakan hukum Islam dengan sempurna</li> <li>• Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya di dunia ini</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
		(ii)	<p>Garis panduan yang disediakan oleh Islam dalam situasi di atas:</p> <p>Harus seorang perempuan menggunakan khidmat doktor lelaki (1m I) dalam keadaan darurat (1m H) tetapi mestilah menjaga maruah dan kehormatan perempuan tersebut (1m HL) agar tidak timbul fitnah dan mudarat untuk perempuan tersebut. (1m K)</p>	[4 markah]
3	(a)	(i)	<p>Negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Melaksanakan perundangan, ekonomi, politik, sosial dengan adil dan saksama berlandaskan syariat Islam.</p>	[1 isi x 2 markah =2 markah]

		(ii)	Dua ciri negara Islam : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan pemerintahan dan pentadbiran berasaskan sistem syura</li> <li>• Perundangan negara berasaskan syariat Islam / al-Quran dan Sunnah</li> <li>• Pemerintahan yang adil.</li> <li>• Pemilihan pemimpin berasaskan keimanan dan ketakwaan.</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(b)	(i)	Dua matlamat kehakiman Islam: P1. Untuk menegakkan keadilan.(2m) P2. Untuk menentang kezaliman.(2m) P3. Untuk membela orang yang dizalimi.(2m)	[2 isi x 2 markah =4 markah]
		(ii)	peraturan keterangan dalam perbiacaraan di mahkamah: P1. Pengakuan (1m) tanpa paksaan daripada tertuduh.(1m) P2. Kesaksian (1m) daripada saksi yang adil.(1m) P3. Pembuktian (1m) seperti senjata/DNA/cap jari.(1m)	[1 isi x 2 markah =2 markah]
	(c)	(i)	Dua tanggungjawab manusia terhadap Allah swt : P1. Mematuhi segala perintah dan larangan Allah swt P2. Sentiasa berdoa dan mengingatiNya. P3. Bersyukur atas nikmat kurniaan Allah swt.	[2 isi x 2 markah =4 markah]
		(ii)	Cadangan isi: Akibat sekiranya tanggungjawab mengamalkan amar makruf nahi mungkar diabaikan: Gejala jenayah berleluasa dalam masyarakat (1m) seperti kes ragut (1m) kerana ahli masyarakat tidak ambil kisah (1m) yang menyebabkan keadaan negara tidak aman.(1m) *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	[4 markah]
4	(a)	(i)	Pengertian harta ialah: Anugerah Allah kepada manusia melalui usaha mereka.	[1 isi x 2 markah =2 markah]
		(ii)	Dua cara menguruskan harta menurut Islam: P1. Menunaikan hak-hak yang wajib terhadap harta (1m) seperti berzakat.(1m) P2. Melaksanakan tanggungjawab sosial (1m) seperti bersedekah.(1m) P3. Memanfaatkan harta untuk orang ramai (1m) seperti bina masjid.(1m) P4. Belanja dengan berhemah (1m) seperti tidak membazir.(1m)	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(b)	(i)	dua konsep pemilikan harta menurut Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari harta mestilah mengikut cara Islam</li> <li>• Sebahagian dari harta mestilah dikeluarkan zakat</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak mengganggu kepentingan orang lain</li> <li>• Digunakan untuk diri dan masyarakat</li> </ul>	
	(ii)	<p>Dua sebab Islam membataskan hak milik dalam pemilikan harta</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengelakkan manusia sombong dan cintakan dunia</li> <li>• Kerana terdapat hak orang lain dalam harta tersebut</li> <li>• Agar manusia bersyukur dengan apa yang dimiliki</li> <li>• Supaya manusia sedar dengan apa yang dimiliki bukan milik mutlak</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(c) (i)	<p>Implikasinya ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berlaku pergaduhan / permusuhan</li> <li>• Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri / tamak.</li> <li>• Menindas orang lain / penindasan terhadap golongan yang lemah</li> </ul>	[1 isi x 2 markah =2 markah]
	(ii)	<p>Melengkapkan keperluan hidup dengan berjual beli adalah lebih dituntut dari meminta belas ihsan dari manusia (1m I) kerana ia menunjukkan hasil tenaga dan usaha seseorang (1m H) untuk meneruskan kehidupan yang diberkati Allah (1m HL) seterusnya meningkatkan taraf kehidupan mereka.(1m K)</p>	[4 markah]
5	(a) (i)	<p>Pengertian perundangan Islam :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t kepada manusia yang merangkumi aspek akidah, syariat, akhlak yang perlu diyakini dan dipatuhi untuk kebahagiaan di dunia dan di akhirat</li> </ul>	[1 isi x 2 markah =2 markah]
	(ii)	<p>dua keperluan perundangan Islam dalam kehidupan manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bebas melakukan aktiviti seharian</li> <li>• Terpelihara harta dan nyawa</li> <li>• Jenayah berkurangan</li> <li>• Kehidupan diberkati oleh Allah s.w.t</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(b) (i)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fatwa : Sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa berhubung hukum syarak bagi masalah baru berlandaskan al-Quran dan al-Hadis</li> <li>• Ijtihad : Pendapat ulama mujtahid terhadap sesuatu perkara baru yang tidak terdapat hukumnya dalam al-Quran dan al-Hadis</li> <li>• Fikah : Hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahidin berdasarkan dalil-dalil syarak</li> <li>• Qadha : Keputusan yang diputuskan oleh hakim / penguasa di dalam suatu hukuman atau perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti</li> </ul>	[4 isi x 4 markah =4 markah]
	(ii)	<p>Hikmah ibadat kepada Allah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperbaiki peribadi manusia</li> <li>• Menjauhi perbuatan yang dilarang Allah s.w.t</li> <li>• Membersihkan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah</li> <li>• Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]

			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merapatkan hubungan antara manusia</li> </ul>	
	(c)	(i)	bukti keengganan berkahwin boleh mendatangkan keburukan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantutkan perkembangan zuriat manusia</li> <li>• Terdorong melakukan maksiat</li> <li>• Menghapuskan institusi kekeluargaan</li> <li>• Menyalahi sunnah Rasulullah s.a.w</li> </ul>	[1 isi x 2 markah =2 markah]
		(ii)	Pada pendapat saya hukuman sebat terhadap pezina tidak zalim kerana peraturan Islam yang lengkap ini bertujuan untuk melindungi kehormatan dan maruah serta keturunan /agar dijauhi kerosakan dan kehinaan. Kesannya maruah dan harga diri umat Islam akan terjaga.(HL) Oleh itu,kita hendaklah menegakkan hukum Allah supaya hidup bahagia didunia dan di akhirat.(K)	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan
6	(a)	(i)	Dua langkah penyelesaian masalah menurut Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenalpasti masalah yang berlaku</li> <li>- Mengenalpasti punca masalah secara terperinci.</li> <li>- Membuat strategi dan cara untuk menyelesaikan masalah.</li> <li>- Menguji kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah.</li> <li>- Membuat penilaian semula terhadap strategi yang telah dibuat</li> </ul>	2 isi x 1 m = 2 markah
		(ii)	Empat amalan dalam penyelesaian masalah secara Islam: <ul style="list-style-type: none"> <li>P1. Melalui al-Quran</li> <li>P2. Melalui al-Hadis</li> <li>P3. Melalui tindakan pemerintah</li> <li>P4. Melalui nasihat yang bijaksana</li> <li>P5. Melalui dakwah</li> <li>P6. Melalui pendidikan</li> <li>P7. Melalui doa</li> <li>P8. Melalui kesungguhan bekerja</li> <li>P9. Melalui pegangan agama yang teguh</li> </ul>	[4 isi x 1 markah =4 markah]
	(b)	(i)	Cara Islam menyelesaikan isu jaminan keselamatan melalui akhlak <ul style="list-style-type: none"> <li>• Umat Islam dikehendaki mematuhi perundangan dan peraturan negara.</li> <li>• Umat Islam perlu mengamalkan akhlak mulia.</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(c)	(i)	Keburukan penyelesaian masalah secara konvensional ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hidup mereka terumbang-ambing</li> <li>• Jiwa tidak tenteram.</li> <li>• Mudah berputus asa apabila menempuh kesusahan dalam hidup.</li> <li>• Mudah terpengaruh dengan godaan syaitan.</li> <li>• Tidak mendapat rahmat Allah s.w.t.</li> </ul>	[1 isi x 2 markah =2 markah]
		(ii)	Cadangan isi: Langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah keciciran pelajar disebabkan faktor kemiskinan: Menyediakan biasiswa kepada pelajar miskin (1m) untuk menampung keperluan pembelajaran mereka (1m) seperti membeli baju sekolah (1m) yang dapat memberikan peluang kepada mereka	[4 markah]

			untuk mendapat pendidikan dengan sempurna.(1m)  *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	
	(d)	(i)	Dua Kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneguhkan keimanan dan ketakwaan</li> <li>• Memperkukuhkan keperibadian muslim</li> <li>• Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah</li> <li>• Mewujudkan semangat juang dan bermotivasi</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
7	(a)	(i)	Muamalah yang dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Ijarah</li> <li>• Ar-Rahn</li> <li>• Al-Bai`</li> </ul>	2 isi x 1 m = 2 markah
		(ii)	Faedah-faedah muamalah Islam ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkemas dan melicinkan urusan kehidupan seharian manusia</li> <li>• Mewujudkan rasa bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah/perjanjian yang dipersetujui.</li> <li>• Mengeratkan hubungan antara individu dengan masyarakat.</li> <li>• Menghindarkan penindasan dan kezaliman yang berkaitan dengan harta.</li> <li>• Membangunkan ekonomi masyarakat dan negara.</li> <li>• Dapat menyempurnakan tuntutan Islam/fardu kifayah.</li> </ul>	[2 isi x 2 markah =4 markah]
	(b)		pengertian bagi hukum berikut : <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Wajib - Perintah Allah s.w.t. yang mesti dilaksanakan</li> <li>b. Haram - Larangan Allah s.w.t. yang mesti ditinggalkan</li> <li>c. Makruh - Perkara yang digalakkan untuk ditinggalkan</li> <li>d. sunat - Perkara yang digalakkan untuk dilakukan serta diberikan ganjaran pahala</li> </ol>	[4 isi x 4 markah =4 markah]
	(c)		Kesan buruk rasuah kepada keselamatan negara 1- Berlakunya penindasan dan kezaliman / di mana keadilan tidak dapat ditegakkan / dalam masyarakat / kesannya negara berada dalam huru hara.	I = 1 markah H = 1 markah C = 1 markah K = 1 markah
	(d)	(i)	Punca perkara ini masih berlaku dalam kalangan masyarakat <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kurang didikan agama (Isi) (Huraian bebas)</li> <li>ii. Terpengaruh dengan rakan yang berakhlak negatif (Isi) (Huraian bebas)</li> <li>iii. Terpengaruh dengan media massa yang negatif (Isi) (Huraian bebas)</li> </ol>	[1 isi x 2 markah =2 markah]
		(ii)	Dua usaha untuk menangani masalah ini <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mendampingi ulama (Isi) (huraian bebas)</li> <li>ii. Menghadiri majlis ilmu (Isi) (huraian bebas)</li> <li>iii. Berakhlak mulia (Isi) (huraian bebas)</li> </ol>	[4 isi x 4 markah =4 markah]

Peraturan Pemarkahan Tamat